


BULETIN USR 2022 | ISU 1

APA HABA Q HANGPA?



الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang



MINYAK MASAK TERPAKAI

Nak Buat Apa?

oleh Nuraini Tuter & Nurhidayati Mat Daud



Program kesedaran kitar semula sisa minyak masak dalam kalangan staff Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang telah berlangsung pada 15 Ogos 2022 sehingga 24 Ogos 2022. Program anjuran Unit Kebajikan, Sukan dan Khidmat Masyarakat, Pengajian Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Pulau Pinang (PKA), Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Komuniti, dan Alumni, UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Arus Oil Sdn Bhd telah berjaya mengumpulkan sebanyak 215 kg minyak masak terpakai hasil sumbangan staf UiTMCPP.

Hasil kutipan daripada jualan minyak masak terpakai tersebut telah disalurkan kepada Pertubuhan Jariah Qaseh Malaysia. Tujuan utama program ini adalah untuk menyemai budaya kitar semula sisa minyak masak di kalangan staff UiTMCPP. Melalui program ini, staff UiTM Cawangan Pulau Pinang berpeluang menyumbang kepada masyarakat melalui hasil jualan minyak masak terpakai mereka kepada Pusat Kitar Semula Minyak Masak yang berdaftar dengan Malaysian Palm Oil Board (MPOB) iaitu Arus Oil. Arus Oil merupakan sebuah syarikat yang



menjalankan perniagaan kitar semula minyak masak kepada bio-diesel. Minyak masak terpakai boleh dikitar semula bagi menghasilkan pelbagai bahan yang berguna seperti sabun dan juga bahan bakar kenderaan bagi menggantikan petrol dan diesel. Bagi memastikan program kitar semula mencapai matlamat yang telah ditetapkan, satu sesi perkongsian ilmu telah dilaksanakan pada 25 Ogos 2022 secara atas talian. Perkongsian ini telah disampaikan oleh pensyarah kanan Pengajian Kejuruteraan Awam UiTMCPP Puan Nur Shafieza Azizan dan Dr. Chatichai Chong yang merupakan Pengarah pemasaran untuk Arus Oil. Program ini telah bersiaran secara langsung di laman Facebook Pengajian Kejuruteraan Awam-UiTM

Cawangan Pulau Pinang dan telah ditonton oleh seramai 452 orang penonton.

Puan Shafieza memulakan sesi perkongsian ilmu dengan yang berkongsi mengenai kepentingan amalan kitar semula yang akan memberi impak pada kehidupan kita. ketika ini, jumlah sisa pepejal negara telah mencecah lebih 33,000 tan sehari dan daripada jumlah itu, hanya 10.5 peratus dikitar semula untuk menjadi produk lain yang mempunyai nilai tambah. Secara tidak langsung, amalan kitar semula dapat mengurangkan penghasilan sisa buangan dan sampah di tapak pelupusan sampah. Perkongsian daripada Dr. Chatichai Chong dimulakan dengan penerangan mengenai minyak masak terpakai. Menurut Dr Chatichai Chong,

minyak masak terpakai adalah minyak masak yang telah digunakan untuk menggoreng dan telah mencapai *smoking point*.

Minyak masak ini perlu dibuang dan seharusnya ditukar dengan minyak yang baru. Dr. Chatichai Chong juga menerangkan minyak masak yang dikitar semula boleh bertukar kepada biodiesel yang lebih mesra alam berbanding diesel konvensional, dan membantu mengurangkan sehingga 80% pelepasan karbon ke atmosfera.

Di akhir sesi perkongsian, kedua-dua panel menekankan kepentingan tentang kitar semula sisa minyak masak, cara pelupusan yang betul bagi sisa minyak masak tanpa mencemarkan alam sekitar serta kepentingan pelupusan sisa minyak masak yang betul demi menjaga kelestarian alam sekitar. Sekiranya semua anggota masyarakat mengamalkan kitar semula sisa minyak masak, bukan sahaja bahan baru seperti biodiesel, bitumen dan sabun dapat dihasilkan, malah masalah penyumbatan system perparitan,

bau busuk, pembiakan haiwan pembawa penyakit juga dapat dielakkan. Ini sekaligus dapat memelihara alam sekitar dan mengelakkan berlakunya pencemaran terutamanya pencemaran air.

Hasil kutipan daripada jualan minyak masak terpakai tersebut telah disalurkan kepada Pertubuhan Jariah Qaseh Malaysia



